

22 AUG 1997

ROBIN COOK LAWAT MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 22 Ogos (Bernama) -- Setiausaha Negara bagi Hal Ehwat Luar dan Komanwel Britain Robin Cook akan melawat Malaysia selama dua hari bermula 27 Ogos ini.

Menurut kenyataan Suruhanjaya Tinggi Britain hari ini, Cook dijadual mengunjungi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Beliau akan juga mengadakan perbincangan dengan Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Cook juga dijadual merasmikan upacara pecah tanah pembinaan kompleks Institut Malaysia Britain bersama-sama dengan Menteri Pembangunan Usahawan Datuk Mustapa Mohamed dan berucap pada satu majlis anjuran Institut Diplomasi dan Hubungan Luar.

Selepas Malaysia, beliau akan melawat Indonesia, Filipina dan Singapura. -- BERNAMA

MAM AKD